



## “SAYANGILAH MASJID KITA”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: لَا تَقْمَرْ فِيهِ أَبَدًا لَمَسَجِدٌ أُسِّسَ  
عَلَى التَّقْوَىٰ مِنْ أَوَّلِ يَوْمٍ أَحَقُّ أَنْ تَقُومَ فِيهِ فِيهِ  
رِجَالٌ يُحِبُّونَ أَنْ يَتَطَهَّرُوا وَاللَّهُ يُحِبُّ

الْمُطَهَّرِينَ

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،  
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ  
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ  
وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



## Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita sama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan sebenar-benar taqwa iaitu dengan melakukan segala suruhanNya dan meninggalkan segala laranganNya. Mudah-mudahan kita menjadi insan bertaqwah serta selamat di dunia dan akhirat.

Hayatilah khutbah pada kali ini yang menyeru kita supaya **"SAYANGILAH MASJID KITA"**.

## Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Di Negeri Selangor yang tercinta ini, sekarang ini kita mempunyai jumlah keseluruhan di sembilan buah daerah sebanyak 400 buah masjid termasuklah masjid institusi pengajian dan 197 surau kebenaran solat Jumaat. Dengan bilangan yang agak banyak ini, sudah pastilah masjid merupakan satu institusi yang amat penting sejak dari dahulu hingga sekarang ini. Oleh itu amatlah tidak wajar umat Islam mengabaikan Institusi masjid yang begitu banyak di Negeri ini.

Jika kita renung sejenak, sewaktu kita mula-mula dilahirkan ke dunia ini dahulu, ibubapa kita akan ke masjid untuk berjumpa imam bagi mendapatkan atau merujuk nama yang baik-baik untuk anak kesayangan mereka. Kita juga pernah dihantar ke masjid untuk mengaji Al Quran dan juga fardhu ain. Di masjid juga ada majlis berkhatan beramai-ramai, bernikah, walimah dan banyak lagi yang menjadi nostalgia ketika berada atau bersama-sama di rumah Allah ini.

Namun, dewasa ini kita sering alpa untuk mengutamakan masjid, mungkin akibat kepesatan arus pemodenan zaman, kesibukan tugas sama



ada di pejabat mahupun di rumah tempat kita tinggal walaupun ianya berada tidaklah berkedudukan jauh dari urusan rutin sehari-hari. Kita hanya sempat lalu dipinggirnya sahaja sewaktu azan dilaungkan. Kemanakah menghilangnya perasaan atau slogan yang mengatakan "**Masjid adalah institusi penting?**"

Firman Allah SWT dalam surah An-Nur ayat 36 dan 37 :

فِي بُيُوتٍ أَذِنَ اللَّهُ أَنْ تُرْفَعَ وَيُذْكَرَ فِيهَا أَسْمُهُ، يُسَبِّحُ لَهُ، فِيهَا  
بِالْغُدُوِّ وَالْأَصَالِ رِجَالٌ لَا تُلَهِّيهِمْ تَجَرَّةٌ وَلَا بَيْعٌ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ  
وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكُوْةِ تَخَافُونَ يَوْمًا تَتَقَلَّبُ فِيهِ الْقُلُوبُ  
وَالْأَبْصَرُ

" (Nur hidayah petunjuk Allah itu bersinar Dengan nyatanya terutama sekali) di rumah-rumah Ibadat Yang diperintahkan oleh Allah supaya dimuliakan keadaannya dan disebut serta diperingat nama Allah padanya; di situ juga dikerjakan Ibadat mensuci dan memuji Allah pada waktu pagi dan petang. (Ibadat itu dikerjakan oleh) orang-orang Yang kuat imannya Yang tidak dilalaikan oleh perniagaan atau berjual-beli daripada menyebut serta mengingati Allah, dan mendirikan sembahyang serta memberi zakat; mereka takutkan hari (kiamat) Yang padanya berbalik-balik hati dan pandangan."

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**



Kita sedia maklum bahawa masjid-masjid di negeri ini sememangnya tersergam indah, maka tanggungjawab kitalah untuk imarahkannya bukan hanya hari jumaat sahaja. Segala kemudahan telah disediakan maka apakah lagi yang menghalang kita untuk hadir berjemaah di masjid.

Dalam sebuah hadis daripada Abu Hurairah R.A berkata seorang lelaki buta (*Ibn Ummi Maktum*) telah datang kepada Nabi S.A.W lalu berkata :

يَا رَسُولَ اللَّهِ ! ، إِنَّهُ لَيْسَ لِي قَائِدٌ يَقُوْدُنِي  
إِلَى الْمَسْجِدِ ، فَسَأَلَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ  
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، أَنْ يُرْخِصَ لَهُ فِي صَلَاتِهِ فِي بَيْتِهِ ،  
فَرَأَخَصَ لَهُ ، فَلَمَّا وَلَى ، دَعَاهُ ، فَقَالَ " : هَلْ  
تَسْمَعُ النِّدَاءَ بِالصَّلَاةِ ؟ قَالَ : نَعَمْ ، قَالَ :  
فَأَجِبْ

" Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku tidak mempunyai orang yang akan memimpinku ke masjid. Lelaki itu meminta Rasulullah memberi keringanan kepadanya supaya dia boleh melakukan solat di rumahnya. Maka baginda memberikan keringanan. Ketika lelaki buta itu mahu beredar pulang, nabi memanggilnya dan berkata: Apakah kamu mendengar azan? Lelaki itu



*menjawab" Ya. Jawab baginda S.A.W : Maka wajib kamu pergi solat jemaah di masjid."*

(Riwayat Muslim)

Ini menunjukkan betapa peri pentingnya kita menghadirkan diri ke masjid. Bukan sekadar itu, malah kita seharusnya melibatkan diri atau setidak-tidaknya peka terhadap program-program masjid berdekatan. Terdapat beberapa perkara yang dikenalpasti dalam kelincinan pentadbiran masjid. Antaranya;

- 1) Mengimarahkan masjid adalah tanggungjawab bersama, sama ada pihak AJK maupun Ahli Kariah. Kita hendaklah berganding bahu dan mengelak daripada sebarang pergeseran dan salah faham yang berbangkit.
- 2) AJK dan pegawai hendaklah mengambil panduan dalam menguruskan masjid yang dikeluarkan oleh JAIS bagi melancarkan jadual dan pengimaranan masjid.
- 3) Sebarang pertelingkahan hendaklah merujuk kepada pengurusan masjid di JAIS supaya ianya tidak menjelaskan perjalanan pengurusan masjid.
- 4) Pengurusan kewangan masjid hendaklah diuruskan secara telus dan bertanggungjawab dan dimanfaatkan kewangan tersebut untuk kepentingan dan faedah pengimaranan masjid.



## Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Kita hendaklah menjadikan masjid sebagai permata yang terpahat kukuh dihati dan sanubari kita walaubagaimana hebat sekalipun arus permodenan dan pancaroba dunia hari ini.

Mahu tidak mahu, kita mestilah meletakkan institusi masjid ini berada di tingkat yang paling tinggi. Agensi seperti NGO, Pentadbir Daerah, Sektor Swasta, Korporat dan lain-lain adalah sangat diperlukan untuk membantu dan menyokong apa juga program yang dianjurkan oleh pihak masjid.

Selain itu kita hendaklah peka terhadap perubahan aktiviti atau pencapaian masjid dan mereka yang dipertanggungjawabkan menguruskannya pada tahun berkenaan. Bahkan mereka yang berjaya membuat penambahbaikan haruslah diberi penghormatan dan penghargaan sewajarnya lebih-lebih lagi kepada pihak-pihak yang bekerjasama untuk mengimarahkan masjid. Misalan contoh :

- Dahulu, kita hanya belajar mengaji di masjid beralaskan tikar mengkuang. Kini kita boleh menikmati pembelajaran ilmu-ilmu Islam dan Al-quran bersilibus di bilik-bilik yang berhawa dingin.
- Dahulu kita hanya mendapat isyarat-isyarat dari masjid melalui beduk-beduk yang diketuk. Kini kita dapat menikmati sebaran maklumat sepantas kilat dengan bangunnya sistem jalur lebar di masjid-masjid.

Siapakah mereka yang bertanggungjawab membuat perubahan ini? Sesungguhnya insan terpilih memakmurkan rumah Allah hanyalah mengharapkan rahmat dan redha llahi. Bagaimana pula dengan kita? Justeru marilah kita sama-sama melakukan muhasabah dan koreksi diri.



Firman Allah SWT dalam Surah Al-Imran ayat 133;

وَسَارِعُوا إِلَى مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرَضَهَا  
السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَقِينَ



"Dan segeralah kamu kepada (mengerjakan amal-amal Yang baik untuk mendapat) keampunan dari Tuhan kamu, dan (mendapat) syurga Yang bidangnya seluas Segala langit dan bumi, Yang disediakan bagi orang-orang Yang bertaqwa".

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Kesimpulan daripada khutbah pada hari ini dapatlah kita rumuskan kepada 7 perkara.

- 1) Orang ramai hendaklah memberi sokongan padu kepada setiap aktiviti-aktiviti masjid seperti Keberangkatan DYMM Sultan Selangor dalam program bantuan faqir-miskin, karnival masjid, konvokesyen pengajian bersijil, kursus-kursus, kejohanan sukan antara masjid terpilih, berkhatan, perkahwinan beramai-ramai, iftar jamai' dan banyak lagi. Ini semua adalah untuk menggalakkan anda semua mengimarahkan masjid
- 2) Semua jemaah mestilah berusaha menghadirkan diri ke masjid sebagai rutin kehidupan harian.



- 3) Para petugas masjid hendaklah mengenepikan kepentingan peribadi yang boleh mengganggu-gugat kelincinan program anjuran masjid
- 4) Pengurusan masjid hendaklah memberi tumpuan untuk memanfaatkan segala dana masjid yang diwakaf dan didermakan oleh orang ramai dan bukan berbangga dengan banyaknya simpanan yang tekumpul tetapi hendaklah membelanjakannya secara berhemah.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

إِنَّمَا يَعْمَرُ مَسَاجِدُ اللَّهِ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ  
الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى الزَّكُوْةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا  
اللَّهَ فَعَسَى أَوْلَئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ



" Hanyasanya Yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang Yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut



melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat Yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan Yang mendapat petunjuk”.

(At-Taubah :18)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهُ الْعَظِيمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ  
يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَائِهَا الْذِينَ إِذَا مَنُوا صَلَوَا عَلَيْهِ  
وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِ  
الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ  
وَأَزْوَاجِهِ وَذْرِيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ



لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ  
مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ . اللَّهُمَّ إِنَا  
نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَةِ أَنْ تَحْفَظَ  
بَعْيَنِ عِنَائِيكَ الرَّبَانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَائِيكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،  
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَاغُورِ، سُلْطَانَ  
شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ  
سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ .  
الَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَىْةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاغُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ  
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ



الْحَاجُ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا  
ذَالْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ。اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ  
لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالبِلَادِ، وَبِلْغْ مَقَاصِدَهُمَا  
لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ。

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuatkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engku redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadratmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman syiah yang melampau dan Qadyani serta lain-lain fahaman.



Ya Allah, bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir dan miskin serta mereka yang mewakafkan dan menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرْةً أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إِاتِنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ  
اللهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي  
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ  
نَعْمَيْهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.